

# Teguran hanya kepada puak ekstrimis

BH 2 • DEC 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa tegurannya terhadap ekstrimis Cina tidak menggambarkan sikap keseluruhan masyarakat itu.

“Saya bukan tegur orang Cina keseluruhannya. Saya kata puak ekstrimis saja. Takkan saya tidak boleh tegur puak ekstrimis, termasuk al-Ma’uanah,” kata Perdana Menteri sambil menyifatkan masyarakat Cina pada umumnya memahami dan bekerjasama baik dengan kerajaan.

Presiden Umno itu berkata, puak ekstremis selalu menghasut rakyat dan apabila hampir pilihan raya, kumpulan itu akan membuat pelbagai tuntutan untuk memberi tekanan.

“Saya tidak boleh terima tekanan, tekanan dari kawan-kawan boleh tetapi orang ekstremis ini, saya tidak mahu terima. Saya sedia tegur siapa pun, termasuk Presiden Amerika Syarikat,” katanya.

Sebab itu, kata Dr Mahathir, dalam perutusan khas Hari Kemerdekaan yang lalu, beliau merayu kumpulan ekstremis daripada kalangan orang Melayu dan Cina supaya menghentikan permainan api perkauman.

Dalam perutusan itu, Perdana Menteri juga mengingatkan bahawa perbuatan kumpulan Al-Ma’uanah dan pendekatan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina (Suqiu) boleh merosakkan hubungan baik antara kaum yang diusahakan kerajaan.

Dr Mahathir memberi penjelasan itu ketika diminta mengulas kenyataan ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Sharir Samad, di “Malaysiakini.com” semalam bahawa kritiknya terhadap orang Cina adalah antara punca kekalahan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas.

Dalam sidang akhbar selepas mpenge-rusikan mesyuarat MT di sini, petang ini, Perdana Menteri mengaku tindakan pembangkang, khususnya golongan ekstremis, memutarbelitkan kenyataannya termasuk mengenai Sekolah Wawasan, menjadi antara punca kekalahan BN.

Sambil menyifatkan orang Cina di Malaysia menikmati pelbagai kemudahan berbanding di negara lain, Dr Mahathir berkata di Amerika Syarikat dan England penubuhan sekolah Cina tidak dibenarkan walaupun orang Cina ramai.

“Di Malaysia kita benarkan penubuhan sekolah Cina dan kita tidak cuba untuk Islamkan orang Cina.

“Sebenarnya, dalam masalah pendidikan, kita sanggup meminda undang-undang mengenai kuasa menteri untuk menukar sekolah Cina kepada sekolah kebangsaan.

## Sekolah Wawasan: MCA, Gerakan temui kaum Cina

DARI MUKA 1

“Saya ingat apabila undang-undang pendidikan dipinda, ia dapat menyelesaikan masalah yang dibangkitkan puak ekstrimis, tetapi kini timbul pula isu Sekolah Wawasan,” katanya.

Pelaksanaan Sekolah Wawasan, katanya, bertujuan menempatkan tiga sekolah dalam satu kawasan supaya murid boleh bercampur dan faham bagaimana hidup dalam masyarakat berbilang kaum.

“Salahkah? Takkan orang Cina nak asing langsung daripada orang lain. Kalau begitu, kita tidak boleh benar anak Melayu ke sekolah Cina, tetapi kita tidak larang,” katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, BN akan meminta MCA dan Gerakan menemui masyarakat Cina untuk menjelaskan mengenai isu Sekolah Wawasan secara lebih menyeluruh.

“Kita tidak pernah mungkir janji tetapi puak ekstremis mendakwa kononnya tidak boleh percaya kepada BN,” katanya.

Dr Mahathir juga berkata, penggunaan taktik kotor dan cara samseng parti pembangkang adalah antara faktor kekalahan BN pada pilihan raya kecil Lunas.

Beliau berkata, parti lawan menggunakan pelbagai bentuk penipuan dan bertindak samseng untuk

menakutkan pengundi dan perayu undi di Lunas termasuk menolak serta menyepak pekerja wanita.

“Saya bimbang jika inilah cara parti pembangkang berkempen, negara tidak akan aman lagi. Sepatutnya mereka rela menghadapi pilihan raya dengan cara tenteram dan berhujah kenapa rakyat perlu memilih mereka,” katanya.

Ditanya apakah kelemahan di pihak BN sendiri ketika kempen di Lunas turut menyumbang kepada kekalahan itu, beliau mengaku kelemahan itu memang banyak tetapi enggan mendedahkannya.

“Banyak... tak bolehlah beritahu, kacaulah. Kita tidak menafikan fakta ini antara punca BN tewas,” katanya.

Dr Mahathir berkata, parti pembangkang membawa masuk berpuluh-puluh ribu penyokong dari luar Lunas dan terdapat hampir 120,000 pada malam pengundian dan waktu-waktu lain kurang dari 100,000 orang.

“Ini bermakna mereka membawa orang luar masuk ke situ dan kita tak tahu sama ada mereka terbabit dengan undi hantu atau tidak. Sebaliknya mereka menahan orang BN yang pergi ke situ bukan untuk mengundi tetapi membantu pekerja kita di sana,” katanya.

Beliau berkata, BN tidak

pernah berbuat demikian dan ia akan mengkaji sama ada tindakan undang-undang boleh diambil.

“Tapi bila kita ambil tindakan undang-undang, mereka akan kata kita zalim dan akan merayu penyokong mereka di luar negeri dan media asing untuk berkata kita zalim kerana mengambil tindakan terhadap mereka,” katanya.

Selain itu, pembangkang juga menggunakan isu agama, kononnya orang Islam tidak boleh mengundi calon bukan Islam serta menggunakan poster Anthonysamy seolah-olah berpakaian paderi.

“Ini muka calon BN tetapi badan orang lain... ini teknologi baru, boleh lekatkan badan pada orang lain. Ini penipuan oleh parti yang hendak menubuhkan kerajaan yang adil,” katanya sambil menunjukkan poster itu.

Selain itu, kata Dr Mahathir, pelbagai penipuan lain termasuk kononnya beliau membawa masuk orang Yahudi dan surat kepada bekas Perdana Menteri Allahyarham Tunku Abdul Rahman yang konon ditulis oleh beliau turut disembarkan semasa pilihan raya itu.

“Tak lama lagi mereka akan letak gambar bogel saya menggunakan komputer. Semua ini penipuan belaka, malangnya pengundi terpengaruh,” katanya.

LIHAT MUKA 2